

**UCAPAN PERDANA MENTERI, SEBAGAI  
PRESIDEN MAJLIS AMANAH SEKOLAH  
OUTWARD BOUND DI MESYUARAT  
AGUNG TAHUNANNYA DI BANGUNAN  
GETAH ASLI, JALAN AMPANG, KUALA  
LUMPUR PADA 21HB OGOS, 1973**

Ahli-ahli Majlis Amanah (Outward Bound Trust), Tuan-tuan sekalian,

Terlebih dahulu saya suka mengalu-alukan tuan-tuan sekalian dan mengucapkan terimakasih atas kehadiran tuan-tuan ke Mesyuarat Agung tahun ini. Saya juga suka menyatakan penghargaan kita serta mengucapkan terimakasih kepada pihak Lembaga Tabung Getah Malaysia kerana bermurah hati membenarkan kita menggunakan bilik mesyuarat Bangunan Getah Asli petang ini.

Sebagaimana biasa, saya sukalah memulakan ucapan ini dengan mengkaji kegiatan-kegiatan yang telah dijalankan oleh Sekolah Outward Bound dan kemajuan-kemajuan yang telah diperolehinya dalam tahun lalu.

Dalam tahun 1972, sekolah ini telah dapat menyelenggarakan beberapa kursus untuk seramai 513 di banding dengan 449 orang tahun 1971. Pada tahun ini seramai 548 orang telah memohon untuk mengikuti kursus di sekolah ini termasuklah sekumpulan seramai sepuluh orang pemuda dari negeri Jepun yang dianjurkan bersama oleh Syarikat Akhbar Yomiuri dan Junior Chamber of Commerce Tokyo. Seorang wartawan dan seorang jurukamera akan turut serta dalam kumpulan itu. Saya difahamkan jika kumpulan ini berjaya, Setiausaha Junior Chamber of Commerce telah membayangkan kemungkinan menghantar lebih ramai lagi pelatih-pelatih ke sekolah ini.

Penyertaan pemuda-pemudi dari Jepun kali ini sangatlah dialu-alukan dan saya yakin Sekolah Outward Bound ini akan dapat terus menunjukkan kecekapan dan mutu tinggi yang telah sedia ada kekal di sekolah itu. Inilah satu jalan yang baik bagi kita memperkenalkan Sekolah Outward Bound ini di luar negeri.

Tuan-tuan sekalian,

Pada hemat saya, adalah wajar juga bagi kita membukakan pintu Sekolah ini kepada peserta-peserta dari negara-negara rantau ini yang ingin menyertai kursus latihan bagi membolehkan pemuda-pemuda kita bercampur gaul menempuh latihan-latihan bersama dengan pemuda-pemuda negara asing. Ini akan meluaskan pandangan mereka di samping menjalin tali persahabatan.

Pada tahun ini juga Sekolah ini akan mengambil peserta-peserta wanita seramai lima puluh lapan orang berbanding dengan empat puluh tujuh orang dalam tahun lalu dan empat puluh satu orang tahun 1971. Ini sungguhlah menggalakkan dan nampaknya kaum wanita termasuk yang berumur pun menunjukkan minat terhadap latihan di sini.

Saya suka mengambil peluang ini mengucapkan tahniah kepada ahli-ahli Jawatankuasa Pengelola dan kakitangan Sekolah ini atas kerja-kerja cemerlang yang telah dijalankan itu.

Saya mendapati bilangan ahli seumur hidup telah bertambah seramai enam orang sementara ahli biasa bertambah tujuh orang lagi. Majlis Amanah merasa amat sedih atas kehilangan seorang ahli seumur hidup, iaitu Tan Sri H. A. Campbell<sup>1</sup>, yang telah meninggal dunia tidak lama dulu. Tan Sri Campbell adalah Ahli Pengasas Seumur hidup dan telah berkhidmat beberapa tahun sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pengelola Sekolah ini. Majlis ini merakamkan ucapan takziah dan penghargaan yang tinggi atas jasa-jasa dan khidmat bakti beliau itu kepada Sekolah ini.

Tuan-tuan sekalian,

Tidaklah boleh dinafikan bahawa peranan sekolah ini adalah penting bagi melatih pemuda-pemudi supaya berani, tegas, pantas dan cekap untuk menghadapi sebarang cabaran hidup. Dari latihan-latihan yang diberi itu mereka akan berani berdikari tanpa mengharapkan pertolongan dari sesiapa pun. Ini adalah penting jika mereka hendak menjadi rakyat yang berguna dan bertanggungjawab. Masa depan negara adalah terletak di tangan pemuda-pemudi yang menjadi pemimpin negara pada masa hadapan.

---

<sup>1</sup> Ahli seumur hidup Sekolah Outward Bound Trust dan bekas Pengerusi Jawatankuasa Pengelola sekolah tersebut.

Kerajaan telah menyediakan banyak kemudahan latihan yang dijalankan oleh Kementerian Buruh, MARA, Kementerian Pelajaran dan lain-lain badan dan pertubuhan bagi melengkapkan belia dengan pengetahuan dan kemahiran bagi membolehkan mereka mendapat pekerjaan di sektor awam dan swasta.

Saya telah kerap kali menegaskan bahawa belia adalah menjadi matlamat utama usaha pembangunan kerajaan yang bertujuan untuk meninggikan taraf dan kedudukan ekonomi semua kaum dan mengadakan lebih banyak lagi peluang-peluang pekerjaan dari rancangan-rancangan yang dilaksanakan itu. Oleh yang demikian, adalah penting bagi semua belia untuk melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan-pengetahuan yang sesuai supaya mereka boleh menempuh cabaran-cabaran dan pergolakan hidup.

Saya suka sekali lagi menyeru kepada semua pihak, samada Jabatan-jabatan Kerajaan atau Pertubuhan-pertubuhan Swasta supaya membantu dan memimpin belia-belia kita bagi mencapai masa depan mereka yang lebih cemerlang. Salah satu jalan membantu mereka ialah dengan menganjurkan mereka mengikuti kursus di Sekolah Outward Bound ini. Ini akan memberi peluang kepada belia-belia supaya menyedari akan kewajipan mereka kepada negara, menanamkan semangat perpaduan dan taat setia, ketabahan hati yang menjadi unsur penting bagi menjadi pemimpin yang bertanggungjawab di masa hadapan.

Tuan-tuan sekalian,

Saya suka mengambil kesempatan ini mengucapkan terimakasih kepada siapa sahaja yang telah membantu dan menolong Majlis Amanah dalam beberapa tahun yang lampau, khasnya saya sukalah memberi terima kasih kepada Messrs Barlow Boustead Estate Agency Sendirian Berhad kerana perkhidmatan mereka sebagai Setiausaha dan Bendahari kepada Majlis Amanah ini.

Sebelum mengakhiri saya sukacita mengumumkan nama pemenang Hadiah Tunku Abdul Rahman bagi tahun 1972. Sebagaimana kita sedia maklum, Hadiah ini diberi kepada bekas pelatih yang telah menunjukkan contoh tauladan yang baik dari sesuatu perbuatan atau satu siri perbuatannya sejajar dengan semangat dan cogan kata Sekolah ini iaitu "To serve, to strive and not to yield".

Pemenang yang dimaksudkan itu ialah Kepten Muhammad Yusoff bin Awang.

Kepten Muhammad Yusoff ialah Pemangku Pegawai Kebudayaan Belia dan Sukan Negeri Perak. Beliau adalah seorang yang cekap, bijak dan tegas serta mempunyai pandangan yang luas. Kelakuan dan tingkah lakunya adalah menjadi perangsang terhadap pergerakan dan kegiatan Sekolah Outward Bound. Seorang pekerja sukarela yang cergas dan semasa berkhidmat di Pahang, selain dari menjadi Komandan Pasukan Palang Merah, beliau juga menjadi Setiausaha Kehormat Kutub Khanah Bandar Kuantan. Sebagai Pegawai Tentera Wataniah beliau juga menjadi Pegawai Pemerintah, 12 Angkut, Pasukan Perkhidmatan Malaysia, Ipoh, Perak.

Kepten Muhammad Yusoff telah menyertai kursus No. 126 dari 27hb September hingga 21hb Oktober 1967 sebagai peserta anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Tatkala itu beliau telah berusia tiga puluh empat tahun dua bulan dan mempunyai anak seramai tujuh orang. Beliau telah mendapat kepujian dalam kursus tersebut. Laporan Warden Sekolah mengenai dirinya adalah seperti berikut:

“Seorang pelatih yang tertua dalam kursus. Beliau merasai sukar hendak menandingi pelatih-pelatih yang lebih muda darinya, tetapi beliau tidak putus asa, sentiasa mencuba dan sekalipun telah letih beliau mempunyai tenaga untuk bersaing dengan pelatih-pelatih lain.

Beliau adalah seorang yang disukai dan seorang pemimpin yang dihormati dan dipuji oleh orang-orang yang di bawahnya.

Sungguhpun latihan itu telah memerahkan tenaganya, tetapi beliau telah menunjukkan kebolehannya sehingga tamat kursus. Hasrat dan keazamannya mengikuti kursus sehingga ke akhir adalah menjadi inspirasi kepada pelatih-pelatih yang lebih muda darinya. Apabila Muhammad Yusoff menyuruh orang-orangnya membuat sesuatu, beliau memastikan yang beliau sendiri boleh menunjukkan contoh yang baik dan membuatnya seperti mereka.

Seorang yang sangat baik, dan seorang pemimpin yang cemerlang”.

Dengan kata-kata ini, saya akhiri ucapan dan mempersilakan Kepten Muhammad Yusoff bin Awang, menerima hadiah ini.